

**AMALAN KERJA BERETIKA DALAM POLIS DIRAJA
MALAYSIA: SATU KAJIAN DI IBU PEJABAT POLIS
DAERAH KULAIJAYA, JOHOR.**

MUHAMMAD AIDIL RONEH BIN ABDULLAH

**Universiti Sains Malaysia
2011**

**AMALAN KERJA BERETIKA DALAM POLIS DIRAJA
MALAYSIA: SATU KAJIAN DI IBU PEJABAT POLIS
DAERAH KULAIJAYA, JOHOR.**

Oleh

MUHAMMAD AIDIL RONEH BIN ABDULLAH

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Sarjana Sains Kemasyarakatan**

Oktober 2011

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya jua maka tesis ini dapat disempurnakan. Sekalung penghargaan buat Dr. Azeem Ahmad Farouk selaku penyelia saya di atas bimbingan, panduan dan nasihat yang diberikan sehingga terhasilnya tesis ini. Tidak lupa juga kepada Prof Dr. Sivamurugan Pandian yang telah memberikan idea dan galakan di awal pengajian.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak di Ibu Pejabat Polis Daerah Kulaijaya Johor terutamanya Superintendent Zulkifly Yahya yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk melakukan kajian ini. Begitu juga kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam menjayakan kajian ini. Hanya Allah S.W.T. dapat membalas segala jasa baik yang dihulurkan.

Tidak lupa juga kepada keluarga tercinta, isteri saya Noliza, dan anak-anak Puteri Balqis dan Puteri Aleya, kerana sabar dan setia sepanjang suka duka menyiapkan tesis ini. Terima kasih kerana memahami dan sentiasa mendoakan kejayaan yang dikongsi bersama.

Buat sahabat-sahabat di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia, terutamanya sahabat saya dari Indonesia Ricky Ricardo, yang sudi berbincang dan bertukar-tukar pendapat sepanjang pengajian ini. Jasa baik kalian akan tetap dikenang. Semoga usaha ini akan diberkati dan dikira sebagai amal soleh di sisiNya. Insyaallah.

Muhammad Aidil Roneh bin Abdullah
PPSK Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.

SENARAI KANDUNGAN.

PERKARA	M/SURAT
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI KEPENDEKAN	viii
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii

BAB 1: PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.1.1 Persoalan Akhlak Dalam Politik	4
1.1.2 Kepentingan Etika	6
1.1.3 Etika kerja	9
1.2 Pernyataan Masalah	15
1.3 Objektif Kajian	21
1.4 Persoalan Kajian	22
1.5 Kepentingan Dan Sumbangan	22
1.6 Organisasi Tesis	24
1.7 Kesimpulan	25

BAB 2: ETIKA

2.0 Pendahuluan	27
2.1 Pengertian Etika	28
2.2 Teori Etika	31
2.2.1 Teori Tanggungjawab (<i>Duty Theory</i>)	33

2.2.2 Teori Teleologikal	37
2.3 Kajian Lepas dan Sorotan Karya	40
2.3.1 Kajian Impirikal Etika Kerja	41
2.3.2 Kajian Implementasi Etika Kerja	47
2.3.3 Kajian Teoritikal Etika Kerja	49
2.3.4 Etika Kerja Polis	50
2.3.5 Faktor-Faktor Mempengaruhi Etika Dalam Organisasi	53
2.4 Ulasan Terhadap Kajian Lampau	56
2.5 Kesimpulan	57
 BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN	
3.0 Pengenalan	58
3.1 Pendekatan Kualitatif	59
3.2 Reka Bentuk Kajian	60
3.2.1 Kajian Kandungan Teks	61
3.2.2 Kajian Lapangan	62
3.3 Pengumpulan Data	62
3.3.1 Temu bual	63
3.3.2 Dokumen	64
3.4 Analisis Data	65
3.5 Persampelan	66
3.6 Justifikasi Pemilihan IPPD Kulaijaya	67
3.7 Batasan Kajian	68
3.8 Kerangka Teoritikal Kajian	69
3.9 Kesimpulan	70

BAB 4: INSTITUSI POLIS

4.0 Pengenalan	71
4.1 Institusi Kepolisian Di Malaysia	71
4.2 Struktur Organisasi PDRM	73
4.3 Fungsi dan Objektif	74
4.4 Nilai-Nilai Utama PDRM	76
4.5 Kod Etika PDRM	81
4.6 Profil IPPD Kulaijaya	83
4.7 Kesimpulan	86

BAB 5: PENEMUAN KAJIAN

5.0 Pengenalan	87
5.1 Maklumat Asas Responden	88
5.2 Analisis Temu Bual	92
5.3 Analisis Dokumen	105
5.4 Pola Kerangka Teoritikal Amalan Etika	123
5.5 Kesimpulan	134

BAB 6: PENUTUP

6.0 Pengenalan	136
6.1 Hasil Penemuan Kajian	136
6.2 Cadangan	144
6.2.1 Implikasi Kajian	145
6.2.2 Cadangan Kajian Masa Depan	146
6.3 Kesimpulan	147

BIBLIOGRAFI	148
SENARAI SURAT KHABAR	155
SENARAI TEMU BUAL	156

LAMPIRAN

Lampiran I	Model Gelagat Etika	157
Lampiran II	Kod Etika PDRM	158
Lampiran III	Carta Organisasi IPPD Kulaijaya	159
Lampiran IV	Strategi Pelaksanaan Pelan Tindakan Integriti PDRM	160
Lampiran V	Lafaz Ikrar PDRM	161
Lampiran VI	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Penyelidikan	162

SENARAI JADUAL

JADUAL		M/SURAT
Jadual 1	Statistik Perbandingan Jumlah Aduan Diterima Oleh BPA Mengikut Agensi Kerajaan Bagi Tahun 2008	18
Jadual 2	Keanggotaan IPPD Kulaijaya Johor Mengikut Pangkat	84
Jadual 3	Bilangan Keanggotaan Mengikut Jabatan di IPPD Kulaijaya	85
Jadual 4	Kategori Pangkat Responden	90
Jadual 5	Tempoh Pengalaman Kerja Responden Dalam PDRM dan Di IPPD Kulaijaya Johor	91
Jadual 6	Kategori Tingkah laku Etika dan Bilangan Responden Yang Memberikan Jawapan sama	94
Jadual 7	Analisis Dokumen	113
Jadual 8	Kategori Tingkah Laku Etika yang Diberi Penekanan Berdasarkan Kepada Kandungan Dokumen	119
Jadual 9	Kategori Amalan Etika dan Kerangka Teori	124
Jadual 10	Kerangka Teoritakal Diaplikasi Dalam Amalan Etika dan Bilangan Responden Yang Memberi Pendapat Sama	127

SENARAI KEPENDEKAN

ACP	<i>Asistant Commisioner Police</i>
ADK	Agensi Dadah Kebangsaan
AIM	<i>Abolish ISA Movement</i>
APR	Anggota Pangkat Rendah
ARR	Akta Rahsia Rasmi
ASP	<i>Asistant Superitenden Police</i>
BPA	Biro Pengaduan Awam
BPR	Badan Pencegah Rasuah
CID	<i>Criminal Investigation Department</i>
CUEPACS	<i>Council of Unions of Employees of Public Agencies and Civil Servants</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DSP	<i>Deputy Superitendent Police</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Assosiation</i>
HEA	Hal Ehwal Awam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JKKMKPK	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan
HINDRAF	<i>Hindu Right Action Force</i>
IACP	<i>International Association of Chief of Police</i>
IG	<i>Inspector General</i>
IIN	Institut Integriti Nasional
INTAN	Institut Tadbiran Awam Malaysia
IO	<i>Investigation Officer</i>
IPPD	Ibu Pejabat Polis Daerah
IP	<i>Investigation Paper</i>
ISA	<i>Internal Security Act</i>

JERIT	Jaringan Rakyat Tertindas
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
KBKA/KTD	Ketua Bahagian Ketenteraman Awam/Ketua Trafik Daerah
KBPD	Ketua Bahagian Pengurusan Daerah
KBLD	Ketua Bahagian Logistik Daerah
KBSJD	Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah
KBSJND	Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah
KBSJKD	Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersil Daerah
KCKD	Ketua Cawangan Khas Daerah
KDN/KA	Keselamatan Dalam Negeri/ Ketenteraman Awam
KONS	<i>Konstabel</i>
KPB	Ketua Polis Balai
KPD	Ketua Polis Daerah
KP	Ketua Polis
KPN	Ketua Polis Negara
KPI	<i>Key Perfomance Indicator</i>
KPL	<i>Kopral</i>
KTJ	Kanun Tatacara Jenayah
L/KPL	<i>Lans Kopral</i>
LTHM	Lembaga Tabung Haji Malaysia
LTSI	Lapangan Terbang Sultan Ismail
MAMPU	<i>Malaysian Administrative Modernisation And Management Planning Unit</i>
MCA	<i>Malaysia Chinese Assosiation</i>
MCCG	<i>Malaysian Code On Corporate Governance</i>
MPV	<i>Mobile Patrol Vehicle</i>

MTUC	<i>Malaysian Trade Union Congress</i>
NEKTH	Nilai Etika Kerja Tabung Haji
NGOs	<i>Non-Government Organisations</i>
NKRA	<i>National Key Result Area</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PGA	Pasukan Gerakan Am
PIN	Pelan Integriti Nasional
PIPDRM	Pelan Integriti Polis DiRaja Malaysia
PJSJ	Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah
PJP	Pesuruhjaya Polis
PKD	Pusat Kawalan Daerah
PWE	<i>Protestant Work Ethics</i>
SDPPP	Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan Dan Pengurusan
SI	<i>Sub-Inspector</i>
SIO	<i>Senior Investigation Officer</i>
SJN	Sarjan
SKDD	Skim Kawalan Dadah Dan Disiplin
SM	Sarjan Mejar
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia
SUPT	<i>Superintendent</i>
UMNO	<i>United Malay National Organisation</i>
UTM	Universiti Teknologi Mara

AMALAN KERJA BERETIKA DALAM POLIS DIRAJA MALAYSIA: SATU KAJIAN DI IBU PEJABAT POLIS DAERAH KULAIJAYA, JOHOR.

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkenaan amalan etika kerja di dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM), khususnya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Kulaijaya Johor. Secara umumnya, tujuan kajian ini adalah untuk melihat apakah amalan etika kerja di IPPD Kulaijaya, sumber etika serta pola kerangka teoritikal etika yang dapat menjelaskan amalan etika. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian kandungan dokumen dan kajian lapangan telah dilakukan. Kajian kandungan dokumen dijalankan adalah untuk memperolehi data sekunder berkenaan sumber etika yang membentuk etika kerja di IPPD Kulaijaya. Kajian lapangan adalah untuk memperolehi data primer berkenaan amalan etika kerja serta kerangka teoritikal yang menjelaskan amalan etika. Melalui kajian lapangan, seramai tiga belas responden telah ditemu bual yang terdiri daripada Ketua Jabatan dan Penyelia dari pelbagai pangkat. Semua data yang diperolehi ini kemudiannya dianalisis dan menggunakan kaedah kualitatif.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan Pegawai Polis di IPPD Kulaijaya mengamalkan sepuluh nilai etika kerja. Etika kerja ini adalah bersumberkan kepada latihan yang diperolehi, mengikut kehendak pengurusan tertinggi dan beberapa peraturan yang sedia ada. Dari segi pola tingkah laku etika, terdapat enam kerangka teoritikal yang dapat menjelaskan amalan etika kerja mereka. Kajian ini merupakan satu kajian awal berkenaan amalan etika kerja dalam organisasi PDRM. Sehubungan dengan itu, pelbagai aspek lain mungkin perlu diambil perhatian, dalam usaha untuk melakukan kajian yang lebih teliti berkenaan etika kerja dalam organisasi Polis di masa akan datang.

ETHICAL WORK PRACTICES IN THE ROYAL MALAYSIAN POLICE: A STUDY IN THE DISTRICT POLICE HEADQUARTERS KULAIJAYA, JOHOR.

ABSTRACT

This study is about the work ethics practice in the Royal Malaysian Police (RMP), which is focus on the District Police Headquarters Kulaijaya Johor. In general, the purpose of this study is to see what was the work ethics that being implement on the IPPD Kulaijaya, followed by its ethical source and the pattern of the ethics theoretical frame work in order to explain the work ethics. In order to achieve the objectives of this study, the author decided to use content analysis and field work methods. Content analysis was utilized to get secondary data regarding source of ethics which was established the work ethics norms in IPPD Kulaijaya. The author conduct field work study in order to get the primary data about work ethics, and also formed a theoretical framework to explain about the work ethics. Based on field study, the author had interviews thirteen respondents in total, including head of departments and supervisors from various rank. The secondary and primary data that had been collected by the author were being analyzed using qualitative method.

Ultimately, this study had shown that the Police officers in IPPD Kulaijaya practice ten work ethics values. These work ethics were received by the officers during training, top management's demands and some of the existing regulations. In terms of work ethics behavior, there were six theoretical frameworks can be used to explain the practices of work ethics. This study is an exploratory study about work ethics in the RMP organization. In related with this issue, other aspects may need to be considered, in order to carry out a more comprehensive study about work ethics in Police organization in the future.

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Perkhidmatan awam adalah merupakan sektor penting dalam pembangunan negara. Kakitangan awam atau juga disebut sebagai kakitangan kerajaan adalah merupakan sumber yang penting dalam melaksanakan apa jua dasar-dasar kerajaan. Perkhidmatan awam merupakan jentera pentadbiran yang ditugas melaksanakan dasar kerajaan dan juga memberi nasihat dan pandangan tentang dasar tersebut (Mohd Salleh Abas, 2003). Organisasi pentadbiran awam merupakan tulang belakang pentadbiran sesebuah negara. Sistem pentadbirannya pula digubal khas, bersesuaian dengan persekitaran dan kehendak masyarakat (Halimah, Noor dan Muslimin, 2005).

Bagi memastikan sistem pentadbiran kerajaan sentiasa cekap dan efisien, kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar dan program agar sistem penyampaian (*delivery system*) setiap jabatan kerajaan sentiasa berada di tahap yang terbaik. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN, 1991) menyatakan, terdapat kira-kira sepuluh program telah dilaksanakan untuk tujuan pemantapan perkhidmatan awam. Sehingga kini kerajaan sentiasa memperkukuhkan mutu perkhidmatan awam di Malaysia, contohnya dengan menubuhkan Institut Integriti Negara (IIN) pada tahun 2004 bertujuan menyelia program Pelan Integriti Nasional (PIN), memantapkan

peranan dan tanggungjawab Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan terkini Perdana Menteri telah memperkenalkan *National Key Result Area* (NKRA) dan *National Key Performance Indicator* (KPI) (Utusan Malaysia: 7/7/2009).

Oleh itu, adalah amat penting bagi setiap anggota perkhidmatan awam di Malaysia sentiasa cekap, jujur, amanah, bertanggungjawab dan mempunyai nilai-nilai etika yang terbaik. Sekiranya kakitangan awam tidak mempunyai nilai-nilai etika dalam menjalankan tugasnya seperti terlibat dengan rasuah, tidak amanah, salah guna kuasa dan sebagainya, maka kerajaan akan gagal dalam melaksanakan program-program pembangunan. Adalah menjadi tanggungjawab ahli politik (wakil rakyat) menggambarkan dan menterjemahkan segala kehendak rakyat, dan adalah tanggungjawab pegawai pentadbir (kakitangan awam) menolong di dalam perancangan dan pelaksanaan polisi-polisi untuk mencapai apa-apa yang dikehendaki (Ghazali Shafie, 1978). Pasukan Polis adalah merupakan perkhidmatan awam sebagai jentera penguatkuasa yang ditugas menguatkuasakan undang-undang dan memastikan keamanan negara terjamin. Amatlah mustahak bagi perkhidmatan awam itu bertugas dengan yakin, bebas, adil dan saksama (Mohd Salleh Abas, 2003). Perkhidmatan awam bagi Persekutuan (Perkara 132) Perlembagaan Negara adalah terdiri daripada Angkatan Bersenjata, Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Perkhidmatan Awam yang am bagi Persekutuan, Pasukan Polis, dan Perkhidmatan Kereta Api.

Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan satu institusi penguatkuasa undang-undang tertinggi negara (Mohd Radzuan Ibrahim, 1995).

Peranan PDRM dalam konteks pembangunan negara dan pembinaan bangsa Malaysia amat penting (Mohd Reduan Aslie & Mohd Radzuan Ibrahim, 1984). Pegawai Polis adalah dibekalkan dengan kuasa melalui undang-undang agar mereka dapat melaksanakan tugas yang dituntut oleh masyarakat. Masyarakat sering menganggap mereka mempunyai tahap akauntabiliti tinggi, boleh dipercayai serta berintegriti tinggi (Klaver, 2008). Setiap perbuatan salah laku oleh pegawai dan anggota Polis akan menjejaskan organisasinya dalam mencapai matlamat dan mengurangkan keyakinan masyarakat (Palmiotto, 2001). Oleh itu, adalah amat penting sekali setiap penjawat awam mengutamakan etika kerja agar perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada masyarakat, khasnya dan seterusnya dapat menyumbang kepada kemajuan negara. Mengamalkan etika kerja yang baik akan memberikan kepuasan kepada masyarakat yang sentiasa menginginkan perkhidmatan yang terbaik daripada kerajaan.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Berdasarkan kepada perkembangan etika, ternyata perhatian terhadap tingkah laku manusia dan kehidupan bermasyarakat telah mendapat perhatian sejak zaman klasik lagi. Para pemikir lampau sering mengemukakan idea tentang bagaimana untuk mengekalkan kehidupan yang sejahtera dan melahirkan manusia yang berguna kepada masyarakat. Sejak dari zaman klasik lagi, pelbagai idea dan teori telah dikemukakan tetapi mempunyai tujuan yang serupa, iaitu, memperkatakan apa yang patut dan apa yang tidak patut dilakukan oleh individu atau kumpulan masyarakat.

1.1.1 Persoalan akhlak dalam politik

Asal-usul politik mempunyai perkaitan rapat dengan persoalan akhlak sejak dari zaman Yunani lagi. Di dalam hubungan yang erat inilah terletakanya persoalan falsafah dan peranan ideologi serta nilai-nilai normatif dalam politik (Syed Ahmad Hussein: 2001). Semenjak bermulanya sejarah manusia, matlamat politik adalah pembentukan ‘masyarakat sempurna’. Inti persoalan politik ialah, apakah bentuk masyarakat sempurna untuk manusia dan bagaimana cara terbaik untuk mencapainya. Aristotle (384-322 S.M.) dalam pemerhatian politiknya menyatakan bahawa ‘manusia secara semulajadinya adalah haiwan politik’. Para pemikir yang terdiri dari golongan falsafah memikirkan bagaimana untuk mengekalkan kehidupan yang harmoni dan mewujudkan masyarakat yang adil.

Kesan dari persoalan bagaimana mewujudkan masyarakat sempurna telah menimbulkan pula persoalan unsur-unsur politik yang sukar diukur seperti kebaikan awam, kejujuran, tanggungjawab, amanah dan komitmen kepada keadilan sosial. Persoalan ini bukan sahaja mendapat perhatian dari pemikir barat, tetapi juga pemikir dari Timur dan Islam. Sejarah membuktikan bahawa persoalan akhlak boleh menentukan kejayaan dan kehancuran sesuatu masyarakat. Karya-karya agung seperti *Republic* oleh Plato (427-347 S.M.), *Al-Ahkam al-Sultaniyyah* oleh Al-Mawardi (991-1031) dan karya

Kung-Fu-tse (551-479 S.M.) *Analects (Lun Yu)* adalah beberapa contoh karya yang membicarakan persoalan seperti ciri-ciri pemimpin yang baik¹.

Pendekatan bercorak falsafah oleh pemikir klasik menjadikan ianya satu kaedah yang paling lama digunakan (K. Ramanathan, 2003:52). Falsafah adalah merupakan cabang atau sub-bidang kajian politik. Ia adalah merupakan kaedah terawal dalam kajian ilmu politik. Falsafah politik mungkin dilihat sebagai cabang etika atau falsafah moral. Etika melihat semua isu berkenaan betul atau salah di dalam masyarakat berinteraksi antara satu sama lain, dalam pada itu falsafah politik hanya terhad kepada isu tertentu yang berkaitan dengan kehidupan politik atau bersifat kolektif.² Namun, pokok kepada idea ini adalah bagaimana membentuk sebuah kehidupan yang baik di dalam masyarakat politik.

¹ Plato dalam karyanya menyatakan hanya golongan tertentu sahaja yang layak menjadi pemimpin yang dipanggil *Guardian*. Seorang pemimpin hendaklah bersikap adil dan berkecuali. Pemikir Islam, Al-Mawardi membicarakan tentang pentadbiran dan peraturan-peraturan negara melalui *Al-Ahkam al-Sultaniyah*. Pemimpin Islam yang baik ialah mempunyai pengetahuan agama, mengutamakan kepentingan negara, bijak, adil, sihat, berani dan berketurunan Quraishi. Manakala Kung Fu Tze banyak memberi penekanan tentang keseimbangan melalui konsep *Yin* dan *Yang*. Pemimpin haruslah menjadi teladan kepada rakyat. Kemajuan hendaklah seimbang dengan alam semesta dan keperluan manusia. Tugas pemimpin adalah menjaga kebajikan rakyat.

² Thompson, M. (2008). *Political Philosophy*. London: Teach Yourself Co. UK.

1.1.2 Kepentingan etika

Etika memainkan peranan penting khususnya dalam organisasi (Nor' Azzah Kamri, 2007). Ini kerana etika terkandung nilai, prinsip dan tatacara kelakuan yang difikirkan baik. Memandangkan kod etika adalah satu kaedah yang baik dalam mengawal tingkah laku pekerja, maka peranan etika itu sendiri amat penting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi.

Kenyataan di atas menunjukkan etika amat penting dalam sesebuah organisasi. Etika membantu perjalanan pengurusan sesebuah organisasi dan juga mengawal dari segi kelakuan para pekerja atau kakitangan dalam sesebuah organisasi. Menurut Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN, 1991) melalui buku Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam, etika mampu menyatukan pemikiran dan menyelaraskan kelakuan warga organisasi. Etika dan nilai murni adalah persoalan yang menjadi perbincangan manusia dari semasa ke semasa. Persoalan ini telah mula dibincangkan seawal sejarah kewujudan peradaban manusia. Selagi manusia hidup dalam kumpulan atau organisasi, peraturan moral dan etika adalah perlu untuk menjamin kesejahteraan dan kedamaian hidup manusia (Mohd Hata, 2001). Peraturan atau undang-undang sering diwujudkan untuk memastikan manusia yang hidup di dunia sentiasa dalam keadaan harmoni. Sebagaimana Aristotle menyatakan bahawa tujuan atau

matlamat utama kehidupan adalah kebahagiaan dalam konteks sebuah negara. Manusia perlu beretika dan bersifat sederhana untuk mengekalkan kehidupan yang sempurna. Etika adalah merupakan disiplin utama dari segala ilmu kerana ia melihat sikap individu, ahli keluarga dan kehidupan masyarakat dalam negara (Mohd Sani Badron, 2010)

Etika kerja dewasa ini semakin amat penting kepada sesebuah organisasi. Ini terbukti apabila pelbagai organisasi atau pun jabatan-jabatan kerajaan telah membentuk nilai dan etika kerja masing-masing. Sebagai contoh, dalam bidang perubatan semua pengamal bidang ini hendaklah berpegang kepada etika perubatan dalam menjalankan kewajipan mereka. Begitu juga dalam bidang kewartawanan, kehakiman, penguatkuasa undang-undang dan lain-lain.

Kod etika penguatkuasa undang-undang (*Law enforcement Code of Ethics*) ada digariskan oleh *International Association of Chief of Police's* (IACP). Kebanyakan agensi penguatkuasa di dunia menjadikan kod etika ini sebagai panduan dalam membentuk kod etika masing-masing. Kod etika adalah cara yang terbaik dalam mengawal tingkah laku para kakitangan. Ia menetapkan standard baik dan buruk dan apa yang boleh dan yang tidak boleh dilakukan. Jika kod etika tidak diwujudkan ianya boleh menyebabkan kakitangan

melakukan kesalahan tingkah laku (Roy, Kenneth, & Garry, 2005: 383).

Penekanan kepada nilai murni dan etika dalam perkhidmatan awam di Malaysia bermula sejak awal 1980-an (Mohd Hata, 2001). Ini terbukti dengan pelancaran pelbagai dasar yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti etika kerja kakitangan awam di Malaysia. Sebagai contoh, pemakaian tanda nama, Dasar Pandang ke Timur, Etika Kerja Islam dan sebagainya. Cabaran etika di kalangan kakitangan awam semakin ketara selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju dan mencapai kecemerlangan (Mustafa, 1996). Pentingnya etika kerja terbukti apabila pelbagai institusi sering mengadakan perbincangan, bengkel, seminar atau forum yang membincangkan tentang etika. Pada 5 hb Disember 2006 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia telah mengadakan bengkel Etika Kerja Islam.³ Di UTM Skudai bengkel diadakan pada 28 hingga 30 Julai 2006, manakala di Sabah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah dengan kerjasama Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengadakan bengkel pada 01 hingga 03 Ogos 2007.⁴ Antara institusi yang aktif dalam mengadakan perbincangan, bengkel atau forum tentang etika adalah seperti Institut Integriti Nasional (IIN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), INTAN, Jabatan

³ Lihat <http://www.usm.my/etikakerjaislam/info.htm> (02/02/10)

⁴ Lihat <http://www.newsabahtimes.com.my/nstweb/fullstory/10435> (02/02/10)

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan jabatan-jabatan kerajaan lain.

1.1.3 Etika kerja

Ajaran Islam mendorong semua penganutnya untuk bekerja, bahkan untuk keadaan tertentu bekerja menjadi wajib, khususnya bekerja untuk mengisi keperluan diri sendiri, keluarga dan orang yang di bawah tanggungan. Bahkan Islam amat membenci pengangguran dan hidup meminta-minta (Jaafar Salleh, 2001: 7-13). Beliau memetik surah At-Taubah yang menyebut:

“Bekerjalah, nanti Allah dan Rasul serta orang mukmin akan melihat (menilai) apa yang kamu kerjakan”
(At-Taubah: 105)

Bekerja dalam Islam bukan semata-mata untuk mencari keuntungan dan kekayaan. Ini kerana kerja itu sendiri adalah satu ibadah, iaitu bekerja kerana Allah. Kerana itu, etika kerja sangat rapat dengan ajaran agama. Islam yang berdasarkan wahyu ini memuatkan sepenuhnya pemikiran etika kerja dalam setiap lembaran ajarannya. Justeru, kerja itu adalah suci maka tentunya sesuai dengan ajaran Islam yang suci. Perbezaan yang diterangkan dalam Islam bukan sekadar etika kerja dalam tafsiran bekerja kuat malah sejumlah nilai yang dapat memandu seseorang pekerja itu bekerja. Nilai itulah ajaran yang

disebut akhlak Islam. Konsep etika kerja Islam adalah merujuk kepada satu set nilai atau sistem kepercayaan yang dititip daripada Al-Quran dan Al-Sunnah mengenai kerja (Shukri Ahmad & Razali Muhammad, 2001). Menurut Mustafa (1996), dari kajian intrinsik, etika kerja Islam lebih menyeluruh, mempunyai ciri-ciri dinamisme profesionalisme yang sempurna. Ia bertitik tolak daripada kesempurnaan asas dan sumbernya. Asasnya ialah akidah, syariah dan akhlak. Manakala sumbernya adalah al-Quran dan as-Sunnah.

Etika kerja Timur adalah perbincangan yang menyentuh amalan kerja bagi negara Cina, Korea dan Jepun. Ketiga-tiga negara ini telah berjaya menunjukkan kecemerlangan dalam memajukan negara mereka. Kemajuan ekonomi yang pesat serta kejayaan menjadi negara industri dalam tempoh yang pantas membuktikan rakyat di ketiga-tiga negara ini mempunyai sikap kerja yang gigih. Pada 1999, majalah *Foebes Zibenja* (edisi francais majalah *Forbes* yang diterbitkan di Hong Kong) menyatakan bahawa orang Cina di seluruh dunia yang terlibat dalam perniagaan mempunyai aset terkumpul bernilai lebih daripada US\$3 trilion⁵. Jumlah ini meletakkan orang Cina sebagai kelompok ketiga tertinggi yang menguasai pelaburan dan perdagangan dunia di belakang Amerika Syarikat dan Jepun pada masa itu⁶. Di negara-negara Asia, orang Cina mendominasi aktiviti ekonomi dan

⁵ Dewan Masyarakat, Kejayaan Usahawan Cina, Jilid 44 Bil. 1, Januari 2006, ms: 5.

⁶ *Ibid.*

mengumpul harta yang banyak. Di Indonesia orang Cina menguasai 70 peratus aktiviti ekonomi, manakala di Thailand dan Filipina mereka menguasai 60 peratus aktiviti ekonomi. Menurut John Naisbitt dalam bukunya *Megatrends Asia* (1996) menyatakan, faktor terbesar mendorong kejayaan usahawan Cina adalah 'jaringan kerja orang Cina' yang cukup kuat, mereka bantu-membantu walaupun pada masa yang sama bersaing hebat. Berdasarkan kepada kejayaan yang dicipta oleh ketiga-tiga negara ini, pastinya wujud satu panduan yang dijadikan pegangan oleh rakyat dan pemerintah dalam usaha memajukan negara.

Menurut Shukri dan Razali (2001: 29), apabila meninjau etika kerja masyarakat Cina, maka perlu ditinjau pemikiran etika Konfucius. Ini kerana pemikiran Konfucius telah lama diterapkan dalam kehidupan seharian masyarakat Cina. Kejayaan masyarakat Cina menguasai ekonomi di beberapa buah negara di dunia ini menunjukkan ketekunan mereka dalam melakukan apa jua jenis pekerjaan. Pegangan kuat terhadap ajaran Konfucius telah menjadikan mereka sebagai bangsa yang disegani. Di Malaysia, walaupun kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk membantu meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu dan bumiputera dengan sasaran untuk menguasai 30 peratus ekuiti, namun sasaran tersebut

tidak dapat dicapai, dan masyarakat Cina masih menguasai aktiviti ekonomi⁷.

Prinsip etika masyarakat Cina adalah terbentuk melalui konsep *Woo Lun* yang membawa maksud ‘Lima Hubungan Asas Manusia’. Lima hubungan asas ini ialah ayah dan anak, suami dan isteri, abang dan adik, kawan dan kawan, dan raja dan pembesar.⁸ Ahli perniagaan terkemuka Robert Kouk menyatakan “Semasa kanak-kanak, saya belajar nilai Konfucius. Konsep seperti integriti perniagaan, memelihara maruah, serta mengotakan janji, kerap digunakan oleh orang tua dan meresap ke jiwa hingga sekarang.”⁹

Kejayaan orang Cina dalam bidang ekonomi dan perniagaan di Malaysia telah menyebabkan orang Melayu menjalin kerjasama. Ini digalakkan lagi oleh pemimpin kerajaan yang memperlihatkan syarikat milik kerajaan, khasnya UMNO berkerjasama dengan MCA dan syarikat milik Cina.¹⁰ Nampaknya, cara berfikir oleh pemikir dari negara Cina dijadikan panduan oleh kebanyakan orang Cina di seluruh dunia. Kaedah dan nilai yang digunakan oleh Sun Tzu dalam menghadapi peperangan di Cina dijadikan panduan oleh Christopher

⁷ Kejayaan, pencapaian, dan kegagalan DEB dikaji dan dibahaskan dengan terperinci dalam buku *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu* tulisan Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1991.

⁸ Richard Bush (1982), *Five Relation Confucius's Teaching*. Time-Life Publications, U.S.A, m.s:324.

⁹ Dewan Masyarakat, *Kejayaan Usahawan Cina*, Jilid 44 Bil. 1 Januari 2006, ms: 5.

¹⁰ Edmund Terence Gomez (1990), *Politik dalam Perniagaan: Pelaburan Korporat UMNO*, Kuala Lumpur, FORUM, ms: 1-10.

Wan Soo Kee semasa memegang jawatan sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman. Nilai yang ingin diterapkan kepada semua pegawai Polis ialah patuh pada peraturan, kepimpinan, kerjasama, berdisiplin, semangat berpasukan dan kepercayaan.¹¹ Walau bagaimanapun, menurut Chin Yee Whah (2005: 116-120), hanya sebilangan kecil sahaja warga Cina di Malaysia yang dapat menjelaskan tentang etika Konfusius. Pemakaian etika ini dalam perniagaan harian tertakluk kepada pemikiran rasional dan tindakan pragmatik tetapi merasakan ajaran ini amat bermanfaat dalam pengurusan sumber manusia.¹² Menurut Chew Fong Peng (2006), usahawan Cina di Malaysia telah mengaplikasikan nilai tradisional, nilai Barat dan Jepun dalam pengurusan perniagaan mereka bersesuaian dengan perkembangan teknologi dan dunia perniagaan yang semakin kompleks.

Tabiat dan budaya kerja kuat antara faktor penting kepada kejayaan Jepun. Orang Jepun dikenali sebagai bangsa yang paling produktif di dunia. Menurut Ann Wan Seng (2006), etika kerja Jepun bersifat sejagat dan mempunyai lebih banyak persamaan dengan budaya orang Asia daripada sistem kerja orang Barat. Bagi masyarakat

¹¹ Christopher Wan Soo Kee & Khoo Kheng Hor (2006), *Crime Prevention The Sun Tzu Way*. Pelanduk Publication.

¹² Chin Yee Whah (2005), *Budaya dan Keusahawanan Cina di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.

Jepun, hidup adalah perjuangan. Perjuangan hanya berjaya melalui etika kerja yang teratur, penuh disiplin, kreatif dan inovatif.

Mengikut kepercayaan tradisi Judeo-Christian, Adam diturunkan ke muka bumi sebagai hukuman kerana melakukan dosa dan untuk itu diarahkan bekerja dan menjaga bumi.¹³ Etika Protestant di Amerika berkembang hasil daripada individualisme Cauvinisme, iaitu, bekerja atas desakan mencapai keredaan Tuhan. Di Barat terutamanya di Amerika, sesiapa sahaja boleh maju. Masyarakat Kapitalis mengutamakan keuntungan (Edgell, 2006:16). Rakyat Amerika bekerja keras untuk mendapatkan wang kerana dengan adanya wang keseronokan dan kegembiraan akan diperolehi. Masyarakat Barat percaya kepada idea yang mengatakan sesuatu boleh diperolehi dengan percuma dan disebabkan itulah mereka sering menuntut kenaikan gaji dan pelbagai keistimewaan lain tanpa mengambil kira kedudukan syarikat (Ann Wan Seng, 2006:39). Pemikiran Protestant ini ternyata bersalutan fahaman hedonistik berdasarkan falsafah Nicolo Machiavelli, iaitu, matlamat menghalalkan cara (*the ends justify the means*). Dipetik daripada Shukri dan Razali (2001:48), seorang tokoh pengurusan Amerika Syarikat bernama Urwick menyatakan, “Rakyat Amerika keseluruhannya, enggan menghalang seseorang daripada maju

¹³ Roger B. Hill, *History of Work Ethic*. <http://www.coe.uga.edu/~rhill/workethic/hist.htm> bertarikh 18/9/09.

ke depan, walau bagaimana songsang dan tidak beretika nilai dan kaedah yang digunakan”.

Kenyataan di atas jelas menunjukkan pekerja-pekerja di Barat amat mementingkan hak, materialistik dan bekerja semata-mata untuk kepentingan diri sendiri. Wang diperlukan untuk mendapatkan hiburan dan kesenangan. Situasi ini berbeza dengan sikap etika kerja di negara Asia seperti Korea dan Jepun.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan adalah penting sebelum memulakan kajian (Sulaiman Masri, 2003). Ia boleh dikemukakan dalam bentuk persoalan atau kenyataan umum (Wan Chik Ibrahim, 2003). Sejajar dengan latar belakang kajian yang dinyatakan, kenyataan masalah yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah amalan etika kerja. Banyak bidang profesion sering meletakkan nilai yang tinggi terhadap tingkah laku beretika (English, 2008). Ini kerana etika pekerja akan memberi kesan kepada organisasi terbabit.

Penerapan etika dalam pekerjaan amat penting sekali. Banyak tindakan telah diambil oleh pelbagai pihak seperti kerajaan, syarikat swasta, institusi pendidikan, dan sektor-sektor lain dalam memperkukuhkan etika kerja. Walaupun kod etika telah dilaksanakan hampir sebahagian institusi kerajaan dan swasta, namun masalah

perlanggaran disiplin tetap berlaku. Keadaan ini menimbulkan persoalan sejauh mana amalan etika kerja di kalangan kakitangan kerajaan di Malaysia.

Masalah salah laku dan perlanggaran etika kerja oleh kakitangan awam sering berlaku. Kes tatatertib oleh penjawat awam dilaporkan telah meningkat. Pada tahun 2008, kes perlanggaran tatatertib atau salah laku atas pelbagai kesalahan menunjukkan peningkatan sebanyak 36.2 peratus sepertimana yang dinyatakan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd. Sidek (Utusan Malaysia: 16/10/2009). Perkhidmatan awam negeri sebanyak 57.62 peratus, Pihak Berkuasa tempatan (PBT), 30 peratus dan Perkhidmatan Persekutuan 27.43 peratus.

PDRM adalah salah sebuah organisasi kerajaan yang mempunyai keanggotaan yang ramai selain daripada organisasi-organisasi kerajaan yang lain. Sehingga tahun 2004 jumlah pegawai dan anggota dalam PDRM ialah seramai 92,927 orang.¹⁴ Jumlah yang besar ini menunjukkan bukan mudah untuk mengawal tingkah laku ahlinya.

Tahun demi tahun, PDRM sering berhadapan dengan masalah pelanggaran tatatertib dan paling serius sehingga ada segelintir pegawai dan anggota melakukan jenayah hingga menyebabkan mereka dituduh di Mahkamah. Kes yang dianggap serius oleh pelbagai pihak terutamanya ahli politik dan NGO (*Non-Governmental Organisation*) ialah perbuatan Ketua Polis Negara (KPN) mencederakan bekas

¹⁴ Data ini diperolehi dari buku laporan kajian oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM (2004).

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Kes ini telah mendapat liputan yang meluas dari pihak media sehingga ke luar negara.

Dewasa ini, masyarakat sering dilihat menyuarakan hak dan menuntut keadilan di sisi undang-undang. Kewujudan berbagai pertubuhan bukan Kerajaan seperti Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Pergerakan Mansuh ISA atau *Abolish ISA Movement* (AIM), *Hindu Right Action Force* (HINDRAF), Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT), Bar Council, dan banyak lagi, telah memberikan peluang kepada orang ramai untuk menyuarakan rasa tidak puas hati dengan tindak tanduk PDRM.¹⁵ Keadaan ini telah menyebabkan masyarakat mendapat gambaran yang buruk berkenaan PDRM. Tambahan pula, masyarakat juga semakin mudah untuk mendapatkan maklumat berkenaan undang-undang, terutamanya melalui jaringan maklumat internet ekoran perkembangan pesat sistem teknologi maklumat.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA), PDRM adalah organisasi kerajaan yang sering menerima aduan rasa tidak puas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan. Pada tahun 2008, melalui laman web BPA bertarikh 29/09/2009 menunjukkan BPA menerima banyak aduan mengenai PDRM iaitu, sebanyak 468 aduan jika dibandingkan dengan 19 agensi kerajaan yang lain (**Jadual 1**). Kebimbangan pihak kerajaan membuktikan bahawa PDRM berhadapan dengan krisis imej yang tercalar dan merosotnya kepercayaan rakyat terhadap keupayaan PDRM dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

¹⁵ Lihat Kua Kia Soong, (2005) *Policing the Malaysia Police*, SUARAM Petaling Jaya Selangor.

JADUAL I:
STATISTIK PERBANDINGAN JUMLAH ADUAN DITERIMA OLEH BPA
MENGIKUT AGENSI KERAJAAN BAGI TAHUN 2008

Bil	Agensi	Jumlah aduan diterima		
		Terima	Selesai	Selesai (%)
1	Polis Di Raja Malaysia	468	409	87.39
2	Jabatan Pendaftaran Negara	228	218	95.61
3	Jabatan Kerja Raya	224	208	92.86
4	Jabatan Imigresen	213	192	90.14
5	Jabatan Pendidikan Negeri	191	176	92.15
6	Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia	190	152	80.00
7	Tenaga Nasional Berhad	181	162	89.50
8	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	168	133	79.17
9	Jabatan Pengangkutan Jalan	168	131	77.98
10	Bahagian Penguat kuasa KPDNHEP	164	161	98.17
11	Jabatan Kebajikan Masyarakat	154	143	92.86
12	Telekom Malaysia Berhad	136	125	91.91
13	Hospital	111	95	85.59
14	Jabatan Pengairan dan Saliran	99	96	96.97
15	Jabatan Perkhidmatan Awam	95	92	96.84
16	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	94	87	92.55
17	Bahagian Pinjaman Perumahan	85	81	95.29
18	Bank Negara Malaysia Nota: Kes-kes melibatkan institusi Kewangan	83	78	93.98
19	Lembaga Hasil Dalam Negeri	80	75	93.75
20	Jabatan Kesihatan Negeri	70	63	90.00

Sumber: Laman Web Rasmi Biro Pengaduan Awam Malaysia bertarikh 29/09/2009.

Pada 4 Feb 2004 Perdana Menteri Malaysia telah mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan (SDPPP) PDRM. Penubuhan Suruhanjaya ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan mengesyorkan

langkah-langkah yang boleh diambil ke arah menjadikan Polis Diraja Malaysia sebagai sebuah pasukan penjaga keamanan dan penguatkuasa undang-undang yang berwibawa dalam abad ke-21.¹⁶

“Selain daripada meningkatkan keupayaan PDRM serta mutu anggotanya, saya juga berharap Suruhanjaya ini dapat menangani isu-isu yang berhubungkait dengan tanggapan masyarakat umum terhadap pasukan polis. Realitinya masyarakat pada hari ini semakin tinggi pendidikannya dan tambahan pula mereka terdedah kepada pelbagai maklumat dari dalam dan luar negara, maka dengan itu mereka mempunyai kesedaran yang tinggi tentang hak-hak asasi mereka sebagai rakyat.”¹⁷

Suruhanjaya ini telah menjalankan inkuiri dan memberikan peluang kepada orang ramai memberikan maklumbalas melalui surat, laman web, dan inkuiri awam. Suruhanjaya kemudiannya telah menerima sebanyak 1242 aduan terdiri dari 468 melalui surat, 223 melalui laman web dan 551 inkuiri awam. Mengikut kategori aduan, kategori tiada tindakan susulan adalah terbanyak sekali iaitu sebanyak 312 aduan diikuti salah guna kuasa 191, tidak cekap 186 aduan, perhubungan awam tidak memuaskan 119 aduan, rasuah 98 aduan dan kematian dalam tahanan sebanyak 20 aduan. Daripada jumlah itu juga, orang ramai telah memberikan cadangan, iaitu, sebanyak 316 cadangan diterima¹⁸.

¹⁶ Majalah Pengaman Polis DiRaja Malaysia, Jilid 1/2004

¹⁷ Ucapan YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa merasmikan Persidangan Pesuruhjaya Polis. Ketua Polis, Komander Briged Pasukan Gerak Am dan Komandan di Pusat Konvensyen Putrajaya pada 29hb.Dis 2003.

¹⁸ Data diperolehi daripada buku Laporan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan Dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia 2005, Bab 3, ms: 37-61.

Kes-kes salah laku yang mendapat liputan media secara meluas seperti tersebaranya gambar bedah siasat mangsa bunuh Nurin Jazlin (Utusan Malaysia: 24/10/2007), penglibatan dalam kes bunuh warganegara Mongolia, iaitu, Altantuya, anggota polis terlibat dalam kes pembunuhan, serta kes-kes jenayah lain, telah memberi kesan kepada kredibiliti PDRM.

Kebimbangan orang ramai terhadap kejadian jenayah juga menimbulkan persoalan kepada sejauh mana kewibawaan PDRM menjalankan tugas. Hasil kajian yang dibuat oleh SDPPP (Laporan Statistik 2004: 3-11) melalui *survey* yang dibuat mendapati 86.4 peratus dari jumlah responden seramai 575 orang bimbang dan amat bimbang terhadap kejadian jenayah. Selain itu, sebanyak 68 peratus dari jumlah responden berasa tidak berpuas hati dengan PDRM. Bagi menjadikan PDRM sebagai sebuah pasukan Polis yang moden dan berwibawa, Suruhanjaya ini telah menyenaraikan sembilan cabaran yang perlu dihadapi. Beberapa cabaran yang disenaraikan ada diantaranya memperlihatkan masalah berkenaan cabaran mematuhi undang-undang yang ditetapkan dan piawaian hak asasi manusia, sikap kurang kesedaran dan rasa hormat terhadap hak wanita dan kanak-kanak, serta gejala rasuah.

Usaha kerajaan di dalam meningkatkan integriti dan etika sektor awam dilaksanakan melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMCPK). Beberapa inisiatif baru telah diambil untuk meningkatkan integriti kakitangan kerajaan dan PDRM adalah merupakan salah satu jabatan kerajaan yang diberi keutamaan untuk meningkatkan imej dan integriti anggotanya (Institut Integriti Malaysia, 2005). Usaha meningkatkan integriti dan

etika bukan sahaja diberi penekanan terhadap sektor awam tetapi juga di dalam sektor swasta dengan mewujudkan *Malaysian Code On Corporate Governance* (MCCG)¹⁹

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk meninjau amalan dan sumber etika bekerja di kalangan Pegawai dan anggota Polis di IPPD Kulaijaya Johor. Kajian ini juga ingin mengenalpasti pola kerangka teoritikal yang diaplikasikan dalam tingkah laku etika di IPPD Kulaijaya.

Selain itu, kajian ini ingin merumuskan suatu mekanisme pelaksanaan etika kerja yang selaras dengan kehendak teori dan tuntutan masyarakat. Ia akan dapat dijadikan panduan umum kepada institusi penguatkuasa undang-undang di Malaysia. Secara khususnya kajian ini mempunyai matlamat berikut:

1. Melihat amalan etika kerja dalam organisasi penguatkuasa undang-undang iaitu PDRM Kulaijaya Johor.
2. Mengenalpasti sumber amalan etika kerja di IPPD Kulaijaya.
3. Mengenalpasti pola kerangka teoritikal yang dapat menjelaskan tingkah laku etika.

¹⁹ Teks ucapan Pelancaran Pelan Integriti Nasional dan Institut Integriti Malaysia pada 23 April 2004. Dalam Etika dan Integriti di Malaysia, Isu dan Cabaran. Ms: v-x.

4. Membuat rumusan terhadap mekanisme amalan etika kerja yang diamalkan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Sejajar dengan pernyataan masalah yang dikemukakan, persoalan utama dalam kajian ini ialah “Apakah amalan etika kerja di kalangan Pegawai dan anggota Polis di IPPD Kulaijaya Johor?” Persoalan ini akan menjadi fokus utama kajian ini. Dalam pada itu, kajian ini akan cuba menjawab beberapa persoalan sampingan lain yang akan menyokong persoalan utama. Persoalan sampingan lain yang cuba dijawab ialah:

1. Apakah sumber amalan etika kerja yang diamalkan di IPPD Kulaijaya?
2. Apakah yang mempengaruhi tingkah laku etika di kalangan Pegawai dan anggota Polis di IPPD Kulaijaya dari sudut falsafah?

Persoalan ini akan cuba dijawab dengan menggunakan teknik atau kaedah penyelidikan yang akan dibincangkan dalam bab tiga tesis ini.

1.5 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN

Setakat ini pelbagai kajian dan penulisan telah dilakukan mengenai etika daripada pelbagai aspek sebagaimana yang dibincangkan dalam bab dua mengenai sorotan

karya dan kajian lepas. Namun kajian ini dirasakan amat penting atas beberapa sebab seperti berikut:

1. Kajian ini akan dapat melihat sumber dan kerangka teoritikal etika yang akan menjelaskan pola tingkah laku etika dalam pasukan Polis di Malaysia yang masih kurang dilakukan.
2. Kajian ini juga akan dapat memberi maklumat berkenaan gelagat tingkah laku ahli organisasi, terutamanya di dalam institusi penguatkuasa undang-undang utama negara di dalam menjalankan tugas mereka.
3. Kajian ini akan dapat memperkukuhkan lagi ilmu dalam bidang Sains Kemasyarakatan dan menggalakkan lagi usaha-usaha penyelidikan oleh sesiapa sahaja rakyat Malaysia, Penjawat Awam, amnya dan seluruh anggota PDRM, khasnya. Kajian ini nanti boleh dijadikan rujukan kepada pihak-pihak yang berminat tentang amalan etika ke arah penghasilan kajian-kajian yang lebih mendalam pada masa akan datang.

Berdasarkan kepada kepentingan kajian ini, adalah diharapkan di akhir kajian ini nanti akan memberi sedikit sumbangan kepada perkhidmatan awam, organisasi Polis, peminat serta pengkaji ilmu etika.

1.6 ORGANISASI TESIS

Kajian ini memuatkan enam bab keseluruhannya. Bab pertama merupakan bab pendahuluan. Bab ini lebih kepada pengenalan yang membincangkan tentang etika kerja. Huraian juga dibuat terhadap persoalan etika dalam kehidupan dan politik, etika kerja dari segi agama secara ringkas, kepentingan etika, objektif kajian, latar belakang, pernyataan masalah, persoalan kajian, dan akhir sekali kepentingan dan sumbangan kajian.

Bab kedua pula membincangkan tentang pengertian etika, teori etika, kajian lepas berkenaan etika kerja dan sorotan karya-karya yang berkaitan dengan persoalan etika. Dalam bab ini juga pengkaji menyentuh secara ringkas perkembangan etika yang bermula dari zaman klasik kemudian zaman pertengahan hingga ke pemikiran etika kontemporari. Bab ini amat penting kerana ianya mewujudkan kerangka teoritikal kajian yang dijelaskan seterusnya dalam bab ketiga.

Bab ketiga adalah khusus untuk membincangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Antara yang dibincangkan adalah dari segi reka bentuk kajian, cara pengumpulan data, tatacara analisis, justifikasi pemilihan lokasi kajian, batasan kajian dan teknik analisa data. Kaedah penyelidikan adalah penting dalam mencapai objektif kajian ini. Huraian dibuat di dalam bab ini bagi menjelaskan pemilihan teknik kajian dari segi pengumpulan data, analisis dan temu bual.